



KEMENTERIAN
PENDIDIKAN
MALAYSIA

POLITEKNIK
MALAYSIA
PORT DICKSON

62

BULETIN

POLITEKNIK PORT DICKSON

DIS 2018 - MEI 2019

Bil.
ISSN:



**KOLABORASI
INDUSTRY
@CAMPUS
MS11**



**PROTON X70
CHARITY DRIVE
MS12**



**PENYELIDIKAN BANGUNAN WARISAN &
KHIDMAT KOMUNITI
MS3**

**COMPLEX 2019
MS6**

**12th FIRA MALAYSIA CUP 2019
MS12**



بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
السَّلَامُ عَلَيْكُمْ

Dan Salam Sejahtera



ROSLEE BIN YAHYA
Pegawai
Politeknik Port Dickson

Alhamdulillah, bersyukur kehadiran Allah SWT, kerana dengan keizinanNYA, dapat kita bertemu kembali melalui penerbitan Buletin PPD Sesi Disember 2018 - Mei 2019. Tahniah dan ucapan penghargaan saya tujukan kepada semua yang terlibat dalam menyediakan bahan terbitan ini yang merupakan bahan rujukan pelbagai aktiviti yang dijalankan oleh semua jabatan. Ini adalah sejajar dengan visi dan misi PoliPD bagi melahirkan individu terbilang dalam sistem pendidikan TVET di negara kita.

Politeknik sebagai tunggak utama sektor pendidikan TVET telah berkembang sejajar dengan perkembangan ekonomi sesuatu tempat. Begitu juga dengan perkembangan PoliPD yang berjaya melahirkan modal insan yang seimbang dalam menjana ekonomi untuk menjadi Negara ekonomi berpendapatan tinggi. Ini disokong pula dengan pelbagai aktiviti iringan oleh pelajar dan pensyarah sebagai nilai tambah kepada pendidikan dan pembelajaran.

Kemampuan bagi melonjakkan politeknik amat bergantung kepada kekuatan modal insan yang terdiri dari para pelajar dan juga para pensyarah. Insha Allah, dengan komitmen dan kerjasama ke dua-dua pihak ini akan melestarikan lagi kegemilangan politeknik kita.

Akhir kata, saya merasa sungguh teruja dan berbangga dengan pencapaian PoliPD selama ini bagi menjadi salah satu organisasi di bawah Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti, Kementerian Pendidikan Malaysia yang sentiasa melakar nama di persada antarabangsa. Sekian, Terima kasih

SIDANG REDAKSI

PENAUNG

TUAN ROSLEE BIN YAHYA

PENASIHAT

DR. NOR HANIZA BINTI MOHAMAD

TN HJ MOHD ASRI BIN SARBUN

KETUA EDITOR

PUAN ROSNIYATI BINTI ABD RAZAK

PENYELARAS

ROZITA BINTI IBRAHIM

SETIAUSAHA

PUTERI NUR ADILATUL ATRAS BT MEGAT HAMARI

EDITOR

MAHANIM BINTI ABDULLAH SADALI (JKA)

AZNUL RAFIZUL BIN RAMLI (JKA)

NOORZAIMAWANI BINTI HUSSIN (JKE)

THAM SOOK CHAN (JKM)

NOOR HASANAH THAM SHU-YIN (JKM)

JUHANA BINTI SIMARANI (JP)

HJH NOOR AZIZAH BT IBRAHIM (JMSK)

MARWANUL HAKIM BIN MOHD HAKIM (LIB)

REKABENTUK GRAFIK

AZRIN BIN MOHAMMAD

MUHAMAD HAFFIZI BIN JAMIL

JURUFOTO

MOHD SANI LAILI BIN MASLON

MISI POLITEKNIK PORT DICKSON

Menjadi institusi TVET unggul bertaraf global

VISI POLITEKNIK PORT DICKSON

Menghasilkan graduan TVET berkualiti holistik dan seimbang serta berciri keusahawanan yang memenuhi keperluan negara

Membangun dan melestarikan kerjasama pintar dengan pihak berkepentingan dalam dan luar Negara

Memberi manfaat kepada masyarakat melalui pendidikan, penyelidikan dan inovasi

PENYELIDIKAN LUKISAN TERUKUR BANGUNAN WARISAN & KHIDMAT KOMUNITI (JKA)



31 DIS 2018–04 JAN 2019 Penyelidikan ini telah dijalankan di Kampung Gunung Angsi, Kuala Pilah dan telah dapat menghasilkan data serta maklumat yang terperinci bagi 5 buah masjid lama di Daerah Kuala Pilah. Maklumat-maklumat yang diperolehi sepanjang kajian ini ialah berkaitan dengan kajian terhadap sejarah tempat dan sejarah pembinaan. Penghasilan set lukisan juga dilakukan dan ianya mengandungi pelan tapak, pelan lantai, pelan struktur, tampak, keratan serta perincian struktur binaan dan elemen hiasan. Hasil penyelidikan pelajar dan pensyarah menerusi kajian lukisan terukur ini juga dapat dijadikan panduan dan rujukan kepada generasi akan datang tentang identiti seni bina negara kita khususnya Seni Bina tradisi di Negeri Sembilan menerusi Unit KAWANS yang terdapat di Politeknik Port Dickson. (Mahanim Binti Abdullah Sadali)



JOM JIMAT ELEKTRIK (JKE)



28 JANUARI 2019 SEHINGGA 18/2/2019 Program Jom Jimat Elektrik telah berjaya dilaksanakan pada tarikh 28 Januari 2019 hingga 18 Februari 2019. Program ini dibawah usaha Program Kejuruteraan Elektrik (Kecekapan Tenaga), DEQ daripada Jabatan Kejuruteraan Elektrik. Jom Jimat Elektrik adalah bertujuan memberi pendedahan dan pengetahuan Tentang Penjimatan Tenaga Elektrik kepada pengguna terutamanya pelajar-pelajar di Politeknik Port Dickson. Pelbagai aktiviti telah dilaksanakan seperti pertandingan Video pendek, Pertandingan Poster, taklimat dan kursus yang berteraskan penjimatan tenaga. (Nurzaimawani)

CIVIL ENGINEERING WEEK DISEMBER 2018 (JKA)




22 – 23 JANUARI 2019 Program CIVIL ENGINEERING WEEK 2019 merupakan satu program yang lebih menjurus kearah mengeratkan kerjasama dalam bidang perkongsian ilmu dan kepakaran teknikal industri, penambahbaikan dalam kurikulum sediaada, R&D dan inovasi serta latihan di kalangan pelajar dan pensyarah. Program ini melibatkan Pakar-pakar dari Industri, Penasihat Program DKA dan ALUMNI PPD yang berpengalaman hingga ke peringkat kebangsaan. Dalam program ini juga diselitkan taklimat bersama BEM yang melibatkan penasihat program DKA sebagai Penceramah. Taklimat ini bertujuan sebagai persediaan untuk Audit ETAC yang dijadualkan sesi Jun 2019. Menerusi program ini, pihak industri dapat berkongsi ilmu dan kepakaran teknikal menerusi ceramah yang diberi. Program ini dapat membantu pelajar dalam memperluaskan diri dengan pengetahuan serta keperluan-keperluan yang perlu ada dalam industri di Malaysia. Pelajar yang akan bergraduasi juga perlu tahu keperluan untuk berkerjaya sebagai seorang Penolong Jurutera dan Profesional Pemeriksa Tapak (IOW) di industri pembinaan. Justeru Jawatan Kuasa Kolaborasi JKA sesi Disember 2018 mengambil inisiatif melaksanakan program ini bersama pihak industri bagi mengeratkan jalinan kolaborasi sediaada. Disamping itu juga program ini dapat meningkatkan pencapaian PO3, PO5, PO6, kepada pelajar-pelajar. (Aznul Rafizul Bin Ramli)

PROGRAM GUIDE TO UBBL; PART VII – MEANS OF ESCAPE 2.0 (JKA)

19 FEBRUARI 2019 - Program ini adalah bertujuan bagi membantu para pelajar Diploma Senibina dalam memahami dengan lebih khusus mengenai keperluan dalam Undang-undang Bangunan Seragam 1984 terutamanya bahagian VII – Kehendak-kehendak Menentang Kebakaran. Keperluan ini dilihat penting memandangkan isu-isu semasa berkaitan dengan kebakaran dalam bangunan menjadi aspek yang perlu dipandang serius. Justeru program ini memainkan peranan penting dalam menekankan aspek keselamatan semasa peringkat proses merekabentuk bangunan. Program ini juga telah dijalankan pada tahun lepas dan telah membantu pelajar dalam proses rekabentuk yang mementingkan aspek keselamatan dan kehendak menentang kebakaran dalam bangunan. Pelajar-pelajar yang terlibat akan diberi pendedahan bersesuaian dengan kehendak silibus kurikulum Diploma Senibina bagi kursus DCA 5152, DCA 5226 dan DCA6237. PLO yang terlibat adalah PLO1 (Knowledge), PLO2 (Practical Skills), PLO4 (Critical Thinking and Problem Solving) dan PLO8 (Professionalism, Ethic and Moral). Pelajar amat berpuas hati terhadap program yang dijalankan dan Berjaya meningkatkan pengetahuan tentang rekabentuk keselamatan dalam bangunan berdasarkan UBBL dan Keselamatan Kebakaran di Malaysia. (Mahanim Binti Abdullah Sadali)



MALAYSIA TECHNOLOGY EXPO (MTE) 2019 (JKM)



21 - 23 FEBRUARI 2019- MTE 2019 bertempat di Putra World Trade Center (PWTC), Kuala Lumpur merupakan program bagi mengetengahkan produk-produk inovasi daripada pelbagai kategori di peringkat antarabangsa. Dalam pertandingan ini, DUA (2) pasukan pelajar PPD dihantar bagi kategori 'Asian Youth Innovation Awards 2019'. Calon-calon tersebut terdiri daripada pelajar JKA dan JKM. Dalam pertandingan ini, pasukan pelajar JKM mendapat kemenangan pingat perak dengan projeknya yang bertajuk 'Adjustable Angular Welding Magnet (AAWM)' di bawah seliaan En. Zulkarnain Jamak dan En. Mohd Sahrizan Sahrudin, manakala 'Gold Medal' dimenangi oleh pelajar JKA dengan projeknya, 'Production of Handmade Paper Using Tea Residues' di bawah bimbingan Pn. Nur Rafidah Binti Mohamed. Hasil daripada menyertai pertandingan ini, pelajar lebih yakin dan mendapat idea penambahbaikan pada projek mereka hasil daripada komen dan pendapat daripada panel penilai, pelawat-pelawat serta para peserta yang telah melawat booth mereka. Di samping itu, mereka dapat menimba pengalaman baru dan meningkatkan lagi pengetahuan bagi penghasilan produk yang lebih berinovasi dan berteknologi tinggi seiring dengan kehendak industri. (Tham Sook Chan)

PROGRAM CERAMAH KERJAYA DAN MOTIVASI (FASA I) OLEH MAG BUILDERS (IAC) (JKA)

Program Ceramah Kerjaya dan Motivasi (Fasa 1) merupakan keperluan penting dalam memberi pendedahan kepada pelajar dalam bidang pekerjaan yang boleh diceburi dan memberi persediaan fizikal dan mental bagi menempuh dunia pekerjaan setelah tamat pembelajaran disamping memberi motivasi meningkatkan pembelajaran. Program ini juga merupakan pertama kalinya dijalankan dan melibatkan Program PPI dan menjemput penceramah kolaborasi industri iaitu En. Muhsin Abdul Ghani daripada Mag Builders Sdn Bhd. Program ini akan melibatkan semua pelajar Diploma Senibina (Semester 1 – 5) dan juga melibatkan pelajar yang mengambil subjek DCA 6202 Architecture Communication sebagai jawatankuasa pelajar. Justeru itu, program ini diharap menjadi asas kepada motivasi pelajar dalam menempuh alam pembelajaran dan pekerjaan dan menjadi asas bagi meningkatkan jati diri dan kerjasama antara pelajar dalam membina keyakinan dan perancangan diri. (Mahanim Binti Abdullah Sadali)





PERTANDINGAN ROBOT SOCCER TERTUTUP DJF5042 INDUSTRIAL ROBOTIC (JKM)

2 MAC 2019- Atas inisiatif pensyarah-pensyarah kursus DJF5042 Industrial Robotic, En Ahmad Afandi Bin Abd Khalil, En Mohammad Mokhtar Bin Padeli dan En Tan Wei Sin, satu pertandingan Robot Soccer tertutup telah dijalankan bertempat di ruang legar koperasi di dalam bangunan JHEP, PPD. Sebanyak 42 buah robot (ciptaan para peserta pelajar PPD) telah bertanding untuk merebut kejuaraan ini. Konsep pertandingan yg diadaptasi dari peraturan kategori mybot (Fira 2019) turut disertai oleh DUA (2) pasukan PPD-Sekolah, iaitu SMA Teluk Kemang dan SMK Intan Perdana, sbg salah satu persediaan awal dalam menghadapi FIRA 2019 yang bakal berlangsung pada hujung April kelak. Secara keseluruhannya, pertandingan ini telah mencapai objektif dan sasaran yang ditetapkan. Adalah diharapkan melalui program yang telah dibuat ini melahirkan insan yang kental jiwanya, bersih dan bersemangat. Pihak penganjur dengan seberapa daya menjalankan dan berusaha untuk merealisasikan. Apa yang paling penting adalah kesungguhan para peserta itu sendiri untuk melibatkan diri dengan aktiviti yang telah disusun untuk mereka. Semoga pasukan akan menempa kecemerlangan dan kejayaan dalam program pembangunan robot sukan sumo. Di akhir program ini juga nanti, segala bahan dan pengalaman serta segala bentuk proses yang dilalui akan dapat dijadikan sumber rujukan untuk individu atau kumpulan akan datang. (Tham Sook Chan)

PROGRAM PPI DAN PSH JKE BERSAMA INDUSTRI & KOMUNITI DALAM MEMPERKASAKAN KE ARAH REVOLUSI INDUSTRI 4.0 (JKE)



4 - 9 MAC 2019 - Sebuah Program PPI dan PSH JKE bersama Industri & Komuniti dalam memperkasakan ke arah revolusi Industri 4.0 telah berjaya dilaksanakan oleh Jabatan Kejuruteraan Elektrik bermula pada 4 Mac hingga 9 Mac 2019 di Politeknik Port Dickson. Program ini bertujuan untuk menjalinkan hubungan antara institusi dan industri kolaborasi melalui aktiviti perkongsian ilmu oleh Pensyarah Pelawat industri. Antara syarikat industri yang terlibat dalam program ini ialah Suruhanjaya Tenaga, IHS Global Resources, Greentech Malaysia, BHP Malaysia Sdn. Bhd., Gading Kencana Sdn. Bhd., Allnex Malaysia, Myinvent Technologist Sdn. Bhd, Telekom Malaysia dan Pedas Training & Consultancy Sdn. Bhd. Sepanjang tempoh program ini diadakan, pelbagai aktiviti telah dijalankan seperti kursus-kursus kepada pelajar-pelajar JKE semester 3 hingga 5, bengkel asas pendawaian dan rangkaian elektronik kepada pelajar-pelajar sekolah, dan aktiviti-aktiviti yang menarik memenuhi aktiviti program. (Nurzaimawani Hussin)



TANJUNG TUAN JUNGLE CLEAN UP AND RAPTOR WATCH 2019 (JKE)



Acara yang dilaksanakan pada setiap tahun iaitu 'Tanjung Tuan Jungle Clean Up and Raptor Watch 2019' telah berjaya dilaksanakan dan disertai oleh Kelab Kejuruteraan Elektrik pada 9 Mac 2019 di Tanjung Tuan, Port Dickson. Seramai 100 orang pelajar mengikuti program ini untuk memberi kesedaran kepada peserta tentang penjagaan alam sekitar Tanjung Tuan. Selain daripada itu, peserta program juga berpeluang menyaksikan pelbagai jenis burung pada musim kali ini. Program turut disertai oleh Timbalan Pengarah Akademik, Politeknik Port Dickson, Dr. Nor Haniza Mohamad bersama-sama 30 orang pensyarah pengiring. Program berbentuk komuniti ini telah melahirkan kesedaran dan tanggungjawab komuniti setempat agar menjaga alam sekitar dan memelihara keseimbangan ekosistem di Tanjung Tuan. (Nurzaimawani Hussin)



BENKEL KECEMERLANGAN PERMATA POLITEKNIK PORT DICKSON (JKE)



13 MAC 2019 - Bengkel Kecemerlangan permata telah dilaksanakan pada 13 Mac 2019 di Politeknik Port Dickson. Program ini telah dianjurkan oleh Sistem penasihat akademik JKE dengan kerjasama SPAK Politeknik Port Dickson. Bengkel ini bertujuan membentuk minda dan sikap positif pelajar ke arah kecemerlangan akademik dan sahsiah. Selain daripada itu, para pelajar dapat membentuk sahsiah diri yang baik serta bersifat terbuka menerima kelebihan dan kekurangan diri dalam membantu diri untuk terus cemerlang. Bengkel Kecemerlangan permata ini telah disampaikan oleh penceramah encik Shril yang dapat menarik minat peserta dalam berinteraksi semasa bengkel dijalankan. (Nurzaimawani Hussin)

BENKEL 'I LOVE YOU ALGEBRA' (JMSK)

15 dan 29 Mac 2019 - Program ini dianjurkan bertujuan untuk menangani masalah pelajar yang lemah Asas Matematik; Matematik Kejuruteraan 1 (DBM1013) dan Elementary Mathematic (DBM1032). Di samping itu juga kursus ini dapat membina keyakinan diri dalam menghadapi masalah, hasil dari bimbingan dan tunjuk ajar dari fasilitator yang sentiasa mengambil berat terhadap kebajikan mereka. Secara keseluruhannya, program ini amat membantu para pelajar meningkatkan keyakinan diri dalam Matematik Kejuruteraan 1 dan juga Matematik Asas terutamanya melibatkan Asas Algebra. Ia juga dapat meningkatkan kefahaman dan membantu para pelajar untuk menguasai topik-topik selanjutnya kerana Algebra merupakan asas utama dalam matematik. Seramai 6 orang pensyarah JMSK dan 12 orang faslitorator pelajar dipilih untuk terlibat di dalam program dengan jumlah kehadiran pelajar bimbingan seramai hampir 150 orang. (Ruhana Binti Mat Kia)



PERTANDINGAN NATIONAL INNOVATION & INVENTION COMPETITION THROUGH EXHIBITION ICOMPEX 2019 (JP)



19-21 MAC 2019 - Tahniah kepada pasukan Jabatan Perdagangan di atas kejayaan mengketengahkan produk inovasi Banana Flows (Serunding Jantung Pisang) sehingga berjaya dianugerahkan pingat emas dalam Pertandingan National Innovation & Invention Competition Through Exhibition iCOMPEX 2109 yang diadakan di Dewan Wawasan Jitra Kedah, Politeknik Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah (POLIMAS). Kejayaan ini dianggap berjaya memecah tradisi di mana sebelum ini jarang produk makanan memenangi pingat emas. Tahniah kepada pasukan berkenaan yang di ketuai oleh Nurul Farisha binti Rosli, Nur Alia binti Zulkiphli dan Nur Akilah binti Abdul Ghaffar dan pensyarah penyelia Pn. Nor Hashimah binti Ab Hamid. Bertemakan "Inspire The Next" memberi inspirasi pelajar dan pensyarah berkolaborasi menghasilkan produk inovasi yang berdaya saing di pasaran dalam dan luar negara. (Juhana Simarani/Nor Hashimah Ab Hamid)

LAWATAN AKADEMIK BUILDING INFORMATION MODELLING (BIM DAY 2019) & ASEAN SUPER 8 (JKA)



20 MAC 2019 - Lawatan ke Malaysian International Trade & Exhibition Centre (MITEC), Kuala Lumpur ini diadakan bagi memenuhi keperluan kursus DCA5137 3D Modeling & Animation. Selain pembelajaran teori dalam kelas, lawatan ini membantu meningkatkan pemahaman pelajar tentang penggunaan teknologi terkini dalam industri pembinaan negara bagi menyediakan pelajar dengan dunia pekerjaan. Selain daripada dapat memahami dengan lebih mendalam tentang penggunaan teknologi BIM dalam industri pembinaan, pelajar juga didedahkan dengan teknologi terkini yang digunakan dalam industri pembinaan negara. (Mahanim Binti Abdullah Sadali)



RESEARCH, INNOVATION AND DESIGN COMPETITION 1/2019 (RIDeC) (JKA)



20 - 21 MAC 2019 - Matlamat utama Program Research, Innovation and Design Competition 2018 (RIDeC'18) ini adalah untuk menilai keupayaan pelajar JKA dalam mengaplikasi pengetahuan dan kemahiran yang diperolehi dari pembelajaran terdahulu dalam menghasilkan projek akhir yang berkualiti. Projek akhir pelajar merupakan satu tugas yang ditetapkan sebagai latihan pembelajaran yang memerlukan pelajar melaksanakan penyelidikan dan pembelajaran sendiri. Projek akhir mengaplikasi pengetahuan, konsep dan kemahiran yang diperolehi sepanjang program. Pelajar perlu menggabungkan beberapa aspek pengalaman mereka sepanjang program berkenaan. Projek adalah berasaskan kepada kajian literatur, penyelidikan, penyelesaian masalah, rekabentuk, penghasilan prototaip atau penyelidikan fundamental. Jabatan kejuruteraan awam (JKA) Politeknik Port Dickson mempunyai dua program iaitu Diploma Kejuruteraan Awam dan Diploma Senibina. Projek pelajar JKA melibatkan pelajar semester lima bagi Program DKA dan pelajar semester enam Program DSB. Justeru, Hari Penilaian Projek Pelajar diadakan setiap akhir semester untuk menilai kualiti projek yang dijalankan oleh pelajar JKA. (Aznul Rafizul Bin Ramli)



"GROOMING WORKSHOP" (JP)

82 orang pelajar Diploma Sains Kesetiausahaan, Jabatan Perdagangan telah mengadakan program Grooming Workshop di Pusat sumber, PoliPD bertujuan untuk mendedahkan pelajar secara khusus tentang penjagaan diri secara sempurna dan memastikan imej dan penampilan yang baik. Di bawah penyeliaan Pn Nor Baya Mat Rofa, program yang bertemakan Smart Casual Image, juga bersesuaian dengan etika makan. Pelajar mengikuti 3 slot bengkel yang dikendalikan oleh panel jemputan Mary Kay iaitu Skin Care Class, Bengkel Image Building dan Grooming and Demonsration Skin Care Building yang mementingkan penjagaan kesihatan kulit dan tubuh badan seperti pembentukan imej penampilan, pendedahan kepentingan imej dan penampilan dalam pembangunan kerjaya. Ini merupakan pendidikan sepanjang hayat yang dapat diperkenalkan kepada pelajar DSK sebelum mengharungi dunia kerjaya sebenar mereka. (Juhana Simarani)

KURSUS GOOGLE DRIVE (JMSK)



25 MAC 2019 – Kursus Google Drive telah berjaya dilaksanakan dengan kehadiran seramai 30 orang peserta yang terdiri daripada 29 orang kakitangan kerajaan dan seorang persendirian. Melalui kursus ini, peserta telah didedahkan cara-cara untuk membina dokumen di dalam Google Drive; menulis, mengedit, dan berkolaborasi melalui Dokumen Google (Google Doc); membuat, mengedit dan berkolaborasi melalui Google Sheets dan Google Slaid serta mengumpulkan dan mengaturnya maklumat kecil atau besar melalui Google Form. Kursus ini disampaikan oleh Pn Nor Shahima Binti Othman sebagai penceramah dan dibantu oleh En Shamsul Bin Mazalan, Pn Nur Hanani Binti Daud, Pn Fadliana Binti Mohamad, Pn Siti Morni Binti Ab Rahman dan 2 orang pelajar Latihan Industri Dalamann dari DSK.Siti Morni Binti Ab Rahman)

NAFAS 2019 'NILAI, ASPIRASI, FALSAFAH, AKRAB DALAM SENIBINA (JKA)



26 MAC 2019 - Sesi bicara ilmu yang disampaikan oleh Ar. Adrianta bin Aziz mengenai jurusan dalam bidang arkitek telah memberi pengalaman dan ilmu yang sangat berharga dan boleh menjana perkembangan pemikiran para pelajar seiring dengan kehendak di zaman globalisasi. Selain itu pelajar juga boleh mengaplikasikan pengetahuan yang diperolehi di dalam sesi pembelajaran di dalam kelas. Selain itu, meningkatkan kualiti pembelajaran secara 'problem-based' dan mendedahkan pelajar kepada teknik dan idea-idea baru serta inovatif selaras dengan matlamat politeknik untuk menghasilkan pelajar-pelajar yang berkualiti dan berdaya saing. (Mahanim Binti Abdullah Sadali)

KARNIVAL MAKANAN BABA NYONYA (JP)

26 MAC 2019 - Karnival Jualan Sesi Disember 2018 bertemakan makanan Baba Nyonya dan Portugis dianjurkan oleh pelajar Diploma Pemasaran semester 3. Karnival yang berlangsung di Dataran Pelajar ini telah berjaya mencuri perhatian warga PolIPD apabila para pengunjung mengenankan pakaian tradisional Baba Nyonya sambil memasak dan menghidang makanan yang jarang-jarang dijumpai. Aktiviti jualan ini dinilai oleh Mohd Azizi Mohd Zakaria, Pengurus Operasi Nufma Enterprise, Shah Alam. Pengarah Program, Pn K. Devaki berkata pelajar pemasaran perlu didedahkan dengan pelbagai aktiviti yang boleh memupuk minat, semangat berkolaborasi, menuntut sesuatu ilmu yang baru dengan bermula dari peringkat penyediaan, pengurusan dan penjualan sehingga boleh mendatangkan hasil yang baik. Antara menu yang dijual seperti asam Pedas Ayam Nyonya, Nasi Kukus Inci kabin, Curry Chicken, Buah Melaka Nyonyaku, Nasi Ayam Baba Nyonya, laksa Kari Nyonya, sagu Gula Melaka, dim sum, pelbagai kuih muih dan minuman sejuk. (Juhana Simarani)



MAJLIS APRESIASI GRADUAN JKE SESI DISEMBER 2018 (JKE)



27 MAC 2019 - Pelajar-pelajar tahun akhir Sesi Disember 2018 dari Jabatan Kejuruteraan Elektrik telah menganjurkan Majlis Apresiasi Graduan JKE Sesi Disember 2018 pada 27 Mac 2019. Seramai 87 orang pelajar-pelajar tahun akhir dan 36 orang pensyarah mengikuti Majlis Apresiasi Graduan ini yang diadakan di Ancasa Residences Port Dickson. Dalam Majlis Apresiasi Graduan JKE ini turut diserahkan Anugerah Ketua Jabatan kepada pelajar yang mendapat HPNM 3.5 dan ke atas Oleh Ketua Jabatan Kejuruteraan Elektrik, Puan Munirah Md Nujid. Anugerah lain turut disampaikan oleh KJ JKE adalah hadiah kejayaan JKE di IstAP 2019. Pelbagai aktiviti-aktiviti dilaksanakan bagi merayakan para pelajar dan sekaligus merapatkan hubungan silaturahim di antara pensyarah-pensyarah dan pelajar-pelajar semester akhir. (Nurzaimawani Hussin)



MINGGU SAINS NEGARA PERINGKAT POLITEKNIK PORT DICKSON (JMSK)



1-5 APRIL 2019 - Minggu Sains Negara 2019 (MSN 2019) Peringkat Politeknik Port Dickson bertemakan "Sains Untuk Kesejahteraan" merupakan program anjuran Unit STEM, JMSK ini adalah selari dengan sambutan World Science Day yang dianjurkan oleh United Nations Organization for Education, Science and Culture (UNESCO) semenjak tahun 2002. Sambutan MSN 2019 ini merupakan salah satu aktiviti dan pendekatan strategik JMSK PPD dalam usaha meningkatkan minat pelajar terhadap bidang Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM). Secara tidak langsung, program ini dapat meningkatkan pembangunan modal insan, menyerlahkan kecemerlangan bakat menjadi lebih kreatif dan inovatif serta menarik minat pelajar dalam bidang STEM. Pelbagai aktiviti telah diadakan sepanjang MSN 2019 ini hasil daripada perancangan, inisiatif dan sokongan padu pensyarah JMSK PPD dan pelajar DBS1012 (Sains Kejuruteraan) Semester 1 Sesi Disember 2018. Inisiatif penganjuran program/aktiviti ini adalah untuk mempelbagaikan kaedah inovasi pembelajaran dan pemudahcaraan (PdPc) dengan lebih kreatif dan inovatif (Fun+Innovative= Funovative). Antara aktiviti yang telah berjaya dianjurkan ialah Pameran Projek STEM, program FunTaskTick, Sharing session/Pocket Talk mengenai STEM dan Industri 4.0. Selain itu, beberapa pertandingan juga berjaya dianjurkan seperti Lego Speed Build Challenge, Lego Challenge: Make It Move, Straw Tower Challenge, Pertandingan Merekabentuk Poster MSN2019 dan Logo STEM JMSK PPD dan Pertandingan Fotografi Sains (Snap, Print and Win Contest). (Nor Shahima Binti Othman)

MAJLIS ASPIRASI SEMESTER AKHIR (JKA)



2 APRIL 2019 - Hari Aspirasi Semester Akhir adalah program yang menjadi tradisi dalam Jabatan Kejuruteraan Awam. Program ini merayakan pelajar semester akhir Diploma Kejuruteraan Awam dan Diploma Senibina sebelum menjalani sesi Latihan Industri pada semester depan. Beberapa anugerah telah diberikan pada pelajar ini, bagi menghargai jasa dan sumbangan mereka dalam bidang akademik dan bukan akademik. Antara anugerah yang disampaikan adalah Anugerah Pencapaian Tertinggi HPNM, Anugerah Penglibatan Aktif dalam Kelas, Anugerah Pelajar Disiplin Terbaik, Anugerah Kepimpinan Terbaik dan Anugerah Tokoh Pelajar. Sehubungan dengan itu, program ini akan menjadi kenangan yang indah untuk pelajar semester akhir dan merayakan mereka sebagai bakal graduan Politeknik Port Dickson. Majlis disudahi dengan "Sesi Mohon Restu" oleh pelajar yang diraikan. (Aznul Rafizul Bin Ramli)



PERTANDINGAN BUILD AND BREAK (BBC) - JKA

4 APRIL 2019 - Pertandingan BUILD AND BREAK merupakan salah satu program di anjurkan oleh JKA dan ianya dijalankan setiap semester. Program ini juga terbuka kepada semua pelajar Jabatan Kejuruteraan Awam, Politeknik Port Dickson. Program ini adalah bertujuan untuk mendedahkan para pelajar mengenai perspektif-perspektif di dalam merekacipta sesuatu benda secara praktikal di samping menggunakan ilmu-ilmu yang telah dipelajari untuk membina model yang kuat dan praktikal. Seterusnya memberi pengetahuan yang amat berguna terutamanya dalam industri rekacipta apabila para pelajar keluar menempuhi alam kerja kelak. Program ini juga mampu melahirkan graduan yang mampu berdepan dengan pelbagai cabaran serta mampu bersaing di dalam dunia yang semakin mencabar. Melalui program sebegini diharap dapat melahirkan graduan yang mempunyai kebolehan berfikir secara kreatif dan inovatif dalam melahirkan modal insan yang cemerlang. Selain dapat memupuk semangat kerjasama dalam menyelesaikan sesuatu tugas, membina sikap bertanggungjawab dan bersikap positif dalam menghasilkan tugas secara berkumpulan. (Azrul Rafizul Bin Ramli)



KURSUS AUGMENTED REALITY (AR) AND APPLICATION WEB 2.0 IN E-LEARNING (JKE)

4 APRIL 2019 - Unit e-Learning JKE telah melaksanakan Kursus Augmented Reality (AR) and Application Web 2.0 in e-learning. Kursus ini telah berlangsung pada 4 April 2019 di Bilik e-learning PPD. Seramai 57 orang pensyarah daripada Jabatan Kejuruteraan Elektrik hadir mengikuti kursus ini. Penggunaan Augmented Reality (AR) dan Aplikasi Web 2.0 juga penting di dalam pelaksanaan proses pengajaran dan pembelajaran dikalangan pensyarah JKE kerana budaya e-learning membolehkan pensyarah dan pelajar boleh berinteraksi secara digital dengan mewujudkan forum, perbincangan, menghantar tugas, membuat kuiz, membuat ujian dan juga untuk memuat naik video. Pengajaran dan pembelajaran pensyarah lebih menarik dan interaktif. Kepelbagaian kaedah pengajaran dapat dilaksanakan. Walaupun pensyarah menghadiri kursus, bengkel atau bercuti tetapi kelas masih boleh dilakukan secara maya. (Nurzaimawani)



ROBOCON MALAYSIA 2019 (JKE)

Pada 5 April 2019 hingga 7 April 2019- telah diadakan pertandingan robotik yang dikenali sebagai ROBOCON MALAYSIA 2019. Pertandingan ini telah berlangsung di Dewan Sri Sarjana di Universiti Tenaga Nasional (UNITEN) yang dianjurkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia. Bertemakan 'Satu Langkah, Seribu Lonjakan', ROBOCON Malaysia 2019 bertujuan mengangkat ekosistem inovasi pendidikan tinggi negara ke tahap yang lebih tinggi. Pertandingan ini dirasmikan oleh YBhg. Datin Paduka Ir. Dr. Siti Hamisah Tapsir, Ketua Pengarah Jabatan Pendidikan Tinggi. Walaupun pasukan Politeknik Port Dickson tewas kepada Juara Robocon Malaysia 2019 iaitu USM diperingkat Elimination Round namun ia sedikit sebanyak memberi impak kepada peserta dan pensyarah untuk berusaha memantapkan lagi robotik PPD di masa akan datang. (Nurzaimawani)



KLINIK PEMANTAPAN SHORTHAND (JP)

5 APRIL - Program Klinik Shorthand 1 sesi Disember 2019 telah berjaya menurunkan peratus kegagalan pelajar semester 1 dalam modul DPK 1013 Shorthand 1 daripada 17% kepada 11%. Keberkesanan program ini dapat dilihat dengan peningkatan peratusan CORR dan PLOR yang lebih baik berbanding semester sebelum ini. Pada kali ini kaedah yang sama dilaksanakan dengan lebih kemas dan teratur iaitu menggunakan metodologi pembelajaran dalam kumpulan-kumpulan kecil dan cara lebih seronok. Program dilaksanakan di Blok D18, Politeknik Port Dickson yang melibatkan seramai 50 orang pelajar. Pelajar memperolehi kemahiran mengguris gurisan Shorthand Pitman, membaca artikel dan menghafal simbol-simbol selain didedahkan dengan format peperiksaan akhir. (Juhana Simarani)



PROGRAM TOGETHER WE ARE STRONGER (TWAS) (JKA)



10 - 12 dan 17 APRIL 2019 - Program TOGETHER WE ARE STRONGER (TWAS) merupakan program yang dilaksanakan sebagai penambahbaikan untuk mengatasi masalah kursus kritikal yang melibatkan enam kursus kritikal bagi program Diploma Kejuruteraan Awam iaitu DCC 2063, DCC23073, DCC 3103, DCC 5143, DCC 2083 dan DCC 5163. Ia dibawah pemantauan Unit Coaching & Mentoring dan Unit Kaunseling JKA, Politeknik Port Dickson. Program Diploma Kejuruteraan Awam (DKA) merupakan antara program utama yang ditawarkan di PPD. Kebolehpasaran bagi lulusan program ini juga amat memberangsangkan dengan peratus kebolehpasaran melebihi 80% setiap semester. Untuk mengekalkan prestasi tersebut, pelajar-pelajar DKA dan DSB perlu dibekalkan dengan ilmu yang bermanfaat dan berkualiti untuk menjadi pekerja yang kompeten di dalam bidang masing-masing. Prestasi pelajar perlu sentiasa dipantau dan dikaji agar berada dalam keadaan yang baik dan memuaskan. Berdasarkan Laporan Pencapaian Peperiksaan Sesi Jun 2018 dan Laporan Pencapaian PLORR Sesi Jun 2018, terdapat beberapa kursus yang tidak menunjukkan pencapaian yang memberangsangkan seperti dalam Jadual di bawah (Aznul Rafizul Bin Ramli)



KOLABORASI INDUSTRY @ CAMPUS (JKM)

11 APRIL 2019 - Jabatan Kejuruteraan Mekanikal (JKM), Politeknik Port Dickson telah menandatangani Certificate of Collaboration (CoC) bersama Crescent Gear Solution Sdn. Bhd. berkaitan dengan bidang yang melibatkan program-program Diploma yang ditawarkan di Jabatan Kejuruteraan Mekanikal. Program ini bukan sahaja dapat dilihat sebagai langkah untuk mengeratkan silaturahim antara akademia dan industri, malahan program ini dilihat sebagai wadah untuk Jabatan Kejuruteraan Mekanikal, Politeknik Port Dickson melebarkan sayapnya kerana industri yang datang amat komited dalam bersama-sama dalam penggubalan kurikulum, sumbangan peralatan atau bahan bantuan mengajar bagi menambah nilai kualiti pengajaran dan pembelajaran serta berkongsi pengalaman industri bersama pelajar dan pensyarah serta memberi peluang latihan industri kepada pelajar dan pensyarah.



12th FIRA MALAYSIA CUP 2019 (JKM)



28 APRIL - 3 MEI 2019 - Kejohanan 12th FMC'19 berlangsung di Politeknik Port Dickson pada 28 April hingga 3 Mei 2019 melibatkan 23 institusi iaitu 19 Politeknik Malaysia, 1 Kolej Komuniti, 1 Kolej Matrikulasi, 1 IPTA dan 1 IPTS. Terdapat 6 kategori utama pertandingan iaitu androsot, drone, hurocup, simurosot, robosot dan mybot serta mempunyai 27 sub-kategori yang lain. Politeknik Port Dickson yang diwakili pasukan RIG PPD mendapat pingat paling banyak iaitu 16 pingat hasil daripada kategori androsot, robosot, mybot dan hurocup. Pasukan RIG PPD untuk kategori androsot dan robosot small yang menjadi juara dalam Kejohanan 12th FMC'19 akan mewakili Malaysia ke FIRA RoboWorld Cup and Summit 2019 yang berlangsung di Changwon City, South Korea pada 11 hingga 18 Ogos 2019. Johan keseluruhan bagi 12th FMC'19 menjadi milik Politeknik Sultan Idris Shah dengan 11 pingat dan membawa pulang piala pusangan bersama hadiah wang tunai sebanyak RM1000 sumbangan Crescent Gear Solution Sdn. Bhd yang merupakan penasihat industri Politeknik Port Dickson.(Noor Hasanah Tham)



PROGRAM CSR BERSAMA SEKOLAH RENDAH KEBANGSAAN TELOK KEMANG (JMSK)

7 Mei 2019- 22 Mei 2019 - Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) adalah suatu konsep atau tindakan yang dilakukan oleh satu organisasi sebagai rasa tanggungjawab terhadap sosial dalam menyumbang kepada pembangunan komuniti. Antara yang aspek yang boleh dilaksanakan seperti membantu meningkatkan ilmu, kemahiran serta hubungan baik dalam komuniti. Berikutan di atas permintaan Sekolah Rendah Kebangsaan Telok Kemang, JMSK membuat perancangan untuk program CSR ini dalam memberikan pengalaman kepada pelajar Tahun 6 terhadap persekitaran pembelajaran yang baharu serta sedikit nilai tambah kefahaman terhadap matematik. Program dilaksanakan dalam 5 sesi mengikut tarikh yang telah ditetapkan iaitu pada 7; 8; 9; 21 dan 22 Mei 2019. Ia meliputi 4 topik mengikut sesi masing-masing dan sesi terakhir diakhiri dengan sesi latih tubi sifir kerana didapati pelajar lemah dalam sifir. Diakhir sesi 5, pelajar dibawa melawat ke Galeri Senibina (JKA) dan Rumah Hajah Kunder sebagai mempromosikan Politeknik Port Dickson kepada murid-murid dan juga guru.(Siti Morni Binti Ab Rahman)





WEBSITE : www.polipd.edu.my
FACEBOOK : Page Rasmi Politeknik Port Dickson
INSTAGRAM : [politeknikportdickson](https://www.instagram.com/politeknikportdickson)

POLITEKNIK PORT DICKSON
KM 14, JALAN PANTAI,
71050, SI RUSA
PORT DICKSON, NEGERI SEMBILAN
NO TELEFON : 06-662 2000/2111
NO FAKS : 06-662 2026/2027

